

-Semata-mata untuk sediakan rumah murah

# Kerajaan sedia tanggung kerugian - Dr. Mahathir

UM 30 JUL 1990

KUALA LUMPUR 29 Julai - Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan melalui agensi-agensinya bersedia menanggung kerugian semata-mata mahu menyediakan lebih banyak rumah murah di seluruh negara.

Kata Perdana Menteri, langkah tersebut adalah bagi memastikan golongan berpendapatan rendah memiliki rumah sendiri.

"Ini adalah satu komitmen dari kerajaan untuk mencuba mengadakan seberapa banyak rumah untuk rakyat di seluruh negara," katanya semasa berucap di hadapan kira-kira 3,000 penduduk selepas merasmikan kawasan Perumahan Awam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) fasa 1B dan 3B di Batu 6, Gombak dekat sini.

Kunjungannya itu adalah sempena lawatan beliau sebagai Pengerusi Barisan Nasional (BN) ke Wilayah Persekutuan.

Dato' Sri Dr. Mahathir menarik perhatian bahawa rumah pangsa yang beliau rasmikan itu berharga \$22,000 seunit, sedangkan kos perbelanjaannya \$25,000 seunit.

"Tahniah kepada DBKL kerana pandai berniaga. Rumah berharga \$25,000 sebenarnya boleh dijual \$22,000. Kalau macam ini kerajaan boleh bankrap," katanya secara berseloroh.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan sanggup rugi sedikit asalkan matlamatnya untuk membantu golongan berpendapatan rendah tercapai.

Perdana Menteri seterusnya memberi jaminan bahawa kerajaan akan meneruskan usahanya untuk menyediakan lebih banyak rumah kos murah untuk mereka yang berpendapatan rendah.

"Mana yang tidak mampu, kita akan bantu," katanya sambil menambah: "Manakala yang mampu pula bolehlah membeli rumah yang lebih tinggi harganya supaya kerajaan dapat menumpukan sepenuhnya perbelanjaan kepada mereka yang tidak mampu."

Beliau berkata, melalui program penyediaan rumah, kerajaan berharap rakyat akan menikmati hi-

dup yang lebih selesa dan damai.

"Ini supaya kita dapat mendirikan sebuah negara di mana penduduknya hidup selesa dan bahagia," katanya.

Dato' Sri Dr. Mahathir sebenarnya tidak diadukan berucap di majlis tersebut.

Bagaimanapun, kerana perasaan terharu atas sambutan hangat dari para penduduk berbilang kaum di situ, beliau menyampaikan ucapan tersebut dari tingkat satu, salah sebuah blok perumahan berkenaan.

Projek tersebut dilaksanakan atas idea Perdana Menteri dan beliau sendiri telah melakukan upacara pecah tanah semasa pelancaran awal projek bernilai \$30 juta itu pada tahun 1986.

Di majlis tersebut, beliau telah diberi taklimat ringkas oleh Ketua Pengarah DBKL, Haji Nordin Razak dan kemudian melawat salah sebuah rumah di situ.

## Program khas

Turut mengiringi Perdana Menteri ialah isterinya, Dato' Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Drs. Suleiman Mohamad, Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Alex Lee, Timbalan Menteri Pertanian, Dato' S. Subramaniam, pemimpin - pemimpin komponen BN yang lain.

Terdahulu dari itu, semasa berucap merasmikan Pasar Besar Air Panas, Setapak, beliau berkata, kerajaan berjanji akan membantu peniaga-peniaga kecil di seluruh negara supaya mereka berjaya dalam perniagaan mereka.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, kerajaan telah membelanjakan \$50 juta untuk program khas membantu peniaga kecil dan usaha seumpama itu akan diteruskan selagi kerajaan BN menerajui negara.

Katanya, apa yang penting sekarang ialah berusaha gigih bagi memastikan negara terus stabil dan aman supaya rakyat boleh mencari nafkah tanpa se-

barang gangguan.

Perasmian Pasar Air Panas itu merupakan lawatan pertama beliau dalam siri lawatan ke Wilayah Persekutuan. Beliau mempunyai enam acara yang lain.

Ketibaan beliau dan para pemimpin BN ke majlis perasmian tersebut telah diberi sambutan oleh ribuan penduduk yang kebanyakannya berdiri di kiri kanan jalan untuk berjabat tangan dengan Perdana Menteri.

Perdana Menteri yang tiba dengan bas ekspres MARA juga diraikan dengan pukulan kompang, tari-an singa, tarian Punjabi dan persembahan muzik orang-orang buta yang mendendangkan lagu-lagu asli.